



KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI

SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS TINDAKAN EKONOMI BIL. 8/2019

YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad telah mempengerusikan Mesyuarat ke-8 Majlis Tindakan Ekonomi atau *Economic Action Council* (EAC) di Putrajaya pada 2 Disember 2019. Mesyuarat ini merupakan yang terakhir bagi tahun 2019 dan Mesyuarat EAC seterusnya dijadual diadakan pada bulan Januari 2020.

Mesyuarat EAC telah membincangkan isu penurunan penarafan penilaian keselamatan penerbangan Malaysia daripada Kategori 1 kepada Kategori 2 oleh Pentadbiran Penerbangan Persekutuan Amerika Syarikat (US FAA) pada awal November 2019. Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah membentangkan cadangan, strategi dan pelan tindakan mengembalikan status penarafan Pengawal Selia Penerbangan kepada Kategori 1. EAC telah bersetuju dengan cadangan pelan tindakan yang dibincangkan bagi memastikan langkah pemulihan dicapai sepenuhnya dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu dalam tahun 2021, antara lainnya turut melibatkan aspek pemeraksanaan tadbir urus CAAM. Usaha ini penting supaya dapat memastikan perkembangan kemajuan sektor pelancongan negara tidak terjejas dan pembangunan industri penerbangan Malaysia dapat berkembang secara lebih mampan.

Aspek kesejahteraan rakyat turut disentuh dalam mesyuarat menerusi cadangan sistem pembiayaan kesihatan bagi tujuan menambahbaik perkhidmatan penjagaan kesihatan negara termasuk aspek mengurangkan insiden penyakit tidak berjangkit (NCDs). EAC memutuskan cadangan pelaksanaan sistem pembiayaan kesihatan negara perlu diteliti secara terperinci bagi memastikan ianya tidak membeban perbelanjaan kewangan Kerajaan dan pada masa yang sama memastikan rakyat mendapat akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti.

Mesyuarat EAC turut membincangkan kepentingan analisis data raya (*Big Data Analytics* - BDA) dalam sektor awam ke arah penggubalan dasar yang lebih komprehensif dan tepat berpacukan data (*data-driven policies*). Dalam hubungan ini, EAC bersetuju supaya data sedia ada dimanfaatkan sepenuhnya selaras dengan inisiatif BDA yang diterajui oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Di samping itu, pelaksanaan data terbuka dan perkongsian data antara agensi Kerajaan serta pembinaan keupayaan perlu dipertingkatkan tanpa memberi kompromi terhadap aspek keselamatan siber. Kerajaan akan memberi keutamaan kepada penyediaan peruntukan yang sesuai dan mencukupi untuk melaksanakan inisiatif BDA dalam sektor awam dan perkara ini akan diteliti di peringkat Jemaah Menteri.

Sejak penubuhannya pada 11 Februari 2019, EAC telah bermesyuarat sebanyak 8 kali dan sebanyak 23 kertas telah dibentangkan oleh pelbagai kementerian serta agensi. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, selaku Urus Setia EAC ingin merakam terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi input dan cadangan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara serta meningkatkan kesejahteraan rakyat ke arah mencapai kemakmuran bersama.

**Urus Setia
Majlis Tindakan Ekonomi (EAC)
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
3 Disember 2019**